

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

DISEDIAKAN UNTUK:
ABDUL HAMEED BIN MYDEEN

TAJUK:
KAJIAN KE ATAS PERANAN 'GOLONGAN ISTIMEWA' DALAM SEKTOR
EKONOMI

DISEDIAKAN OLEH:

| | |
|---------------------|----------|
| AFIZA ABDUL KARIM | 92891030 |
| DALILAH ISMAIL | 92863911 |
| HAMISSAH SHAHARUDIN | 92781114 |
| JALIDAH HAMID | 92867359 |
| NORHAYATI ABDULLAH | 92852553 |

DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

1 NOVEMBER 1995

| KANDUNGAN | Mukasurat |
|----------------------------------|------------------|
| Prakata | i |
| Penghargaan | ii |
| Sinopsis | iii |
| | |
| BAB 1 | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Objektif | 5 |
| 1.3 Hipotesis | 8 |
| 1.4 Skop Kajian | 9 |
| 1.5 Masalah dan Sekatan | 10 |
| 1.6 Methodologi | 12 |
| | |
| BAB 2 | |
| Kajian Kepustakaan | 16 |
| | |
| BAB 3 | |
| Penemuan Data | 22 |
| 3.1 Temubual | 25 |
| 3.2 Kaji selidik | 31 |
| | |
| BAB 4 | |
| 4.1 Analisa Penemuan Data | 34 |
| | |
| BAB 5 | |
| 5.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat | 38 |
| 5.2 Jabatan Buruh | 43 |
| | |
| BAB 6 | |
| 6.1 Rumusan | 46 |
| 6.2 Cadangan | 49 |
| | |
| BAB 7 | |
| Penutup | 55 |
| Bibliografi | |
| Lampiran | |

PENGHARGAAN

Bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah kami sekumpulan menyiapkan Kertas Projek PAD 355 ini untuk dibuat penilaian seterusnya. Sesungguhnya tanpa bantuan dan pertolongan daripada pihak-pihak tertentu sudah tentu kami tidak dapat menyelesaikan Kertas Projek ini. Oleh itu kami sekumpulan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan masyarakat Melaka terutamanya kepada Puan Vermala selaku Penolong Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Melaka, Encik Shahrin Azman dan juga seluruh kakitangan jabatan yang sudi memberi maklumat kepada kami serta membenarkan kami membuat rujukan di perpustakaan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Di samping itu kami juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Encik Abdul Rahman Ismail, Pegawai Personel TCCM Dewhirst Sdn. Bhd. juga kepada para pekerja, pelatih-pelatih dan penyelia di Bengkel Perusahaan Kecil Air Keroh, para pekerja dan penyelia di Bengkel Membuat Rotan Paya Ikan serta Pegawai di Jabatan Buruh Melaka iaitu Encik Sulaiman yang sudi bekerjasama dan memberi maklumat -maklumat penting kepada kami dalam usaha menyiapkan Kertas Projek ini.

Akhir sekali kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Hameed bin Mohammed Mydin selaku Pensyarah PAD 355 yang banyak memberi pendapat, pandangan serta penerangan yang penting dalam penyediaan Kertas Projek ini. Semoga Kertas Projek ini dapat memberi faedah kepada semua

Ikhlas dari:

Ahli-ahli kumpulan.

SINOPSIS

Kebelakangan ini, kemajuan teknologi dan perkembangan perindustrian yang membanggakan banyak membantu kepada peningkatan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu ia berkait rapat dengan para penyumbang yakni para pekerja atau tenaga buruh yang menjadi input utama yang berperanan ke arah kestabilan ekonomi negara.

Dari pelbagai kategori para penyumbang ini, peranan golongan istimewa juga tidak harus dipandang ringan kerana mereka juga turut memberi sumbangan yang bermakna kepada peningkatan ekonomi negara lebih-lebih lagi ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Namun begitu, peranan golongan istimewa dalam sektor ekonomi ini masih kurang mendapat perhatian dan peluang malah ada kemungkinan masih tidak disedari oleh sebahagian besar masyarakat masa kini. Justeru itu, kajian kami ini adalah bertujuan untuk meninjau sejauhmanakah peranan dan sumbangan golongan istimewa ini dalam sektor ekonomi serta membuka mata masyarakat terhadap keupayaan mereka untuk bergerak maju seiring dengan rakan sekerja mereka yang lain.

Kajian ini juga melihat dan menilai sejauhmana penerimaan masyarakat terhadap peranan dan sumbangan golongan ini terutamanya pihak majikan yang terdiri dari pihak kerajaan, pihak swasta, Badan Berkanun dan lain-lain lagi.

Melalui beberapa kaedah pengumpulan maklumat yang kami gunakan dalam kajian ini, maka kami dapat mengumpul beberapa maklumat dan fakta-fakta yang penting mengenai penglibatan mereka dalam sektor ekonomi. Di samping itu juga kami mencari sebab musabab mengapa

mereka kurang diberi perhatian dan peluang yang lebih luas di dalam sektor ekonomi yang rata-ratanya diterajui oleh orang-orang yang sempurna pancaindera dan anggota tubuh badannya.

Selain dari itu, kajian ini juga turut mengupas masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan istimewa ini termasuklah juga masalah yang dihadapi oleh pihak majikan.

Setelah mengenalpasti segala masalah dan takat pencapaian mereka dalam sektor ekonomi, kami juga turut mengemukakan beberapa langkah atau cadangan yang patut diambil oleh pihak tertentu bagi mengatasi dan memperbaiki masalah yang timbul agar golongan istimewa ini mendapat hak dan kedudukan yang setaraf dengan orang-orang yang lain.

Setelah memberikan cadangan-cadangan tersebut maka kami membuat rumusan daripada maklumat dan fakta yang kami perolehi mengenai peranan dan sumbangan golongan istimewa ini dalam sektor ekonomi.

Akhir sekali kami juga ada melampirkan beberapa lampiran yang boleh dijadikan bahan rujukan dan panduan kepada sesiapa yang memerlukannya.